

UPM terima dana selidik kenaf

UTUSAN MELAYIA

27 MAC 2009



ISMAIL Salleh (kiri) saling bertukar dokumen dengan Dr. Tai Sze Yew sambil diperhatikan Peter Chin Fah Kui (dua dari kiri) dan Ali Mchumo di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 26 Mac – Tiga institut penyelidikan termasuk Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima dana berjumlah RM11.5 juta daripada Dana Bersama Komoditi (CFC) untuk melaksanakan kajian bagi meningkatkan produktiviti kenaf.

INTROP akan berkongsi dana penyelidikan tersebut dengan Institut Penyelidikan Jut Bangladesh dan Institut Tanaman Fiber Antarabangsa, China.

Pengarah Urusan CFC, Ali Mchumo berkata, dana tersebut akan membolehkan kajian komprehensif dijalankan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran petani-petani kenaf bagi memenuhi keperluan industri fiber di pasaran antarabangsa.

“Projek ini antaranya untuk meningkatkan daya persaingan sektor kenaf dan membuktikan bahawa tanaman ini dapat meningkatkan pendapatan para petani.

“Penyelidikan akan dimulakan pada suku pertama tahun ini dan dijangka selesai dalam tempoh empat tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis pelancaran dana penyelidikan tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi,

A. Kohilan Pillay; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Wira Ismail Salleh; Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Tai Sze Yew dan Ketua Program Bioteknologi, Organisasi Pembangunan Perindustrian Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO), Dr. George T. Tzozos.

Daripada jumlah dana yang diberikan, sebanyak RM7.6 juta telah disumbangkan secara terus oleh CFC, manakala bakinya melalui negara penerima dana iaitu Malaysia, China dan Bangladesh.

Ali berkata, penyelidikan terhadap kenaf akan dijalankan pada tiga peringkat iaitu peringkat tanaman, pemrosesan dan pengkomersialan.

“Pada peringkat tanaman, China dan Bangladesh akan mengenal pasti benih kenaf yang sesuai untuk memastikan tanaman yang berkualiti dapat dihasilkan.

“Malaysia melalui INTROP pula akan menumpukan kepada kajian mengenai peringkat pemrosesan dan pengkomersialan,” katanya.

Dalam pada itu, Fah Kui berkata, petani tembakau di negara ini digalakkan bertukar ke tanaman kenaf sebagai persediaan untuk menghadapi pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA)

“Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan industri kenaf di negara ini,” katanya.